

**SKEMA**

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPS  
M 940/1 PSMJPNPERLISPKPSMPERLIJPNPERLISP STPM 2010 RLIS  
P. 'PNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPE 'NPE  
RLISPKPSMPERLISJPI SEJARAH SPKPSMJPNPERLISPKPSMJ  
PNPERLISPKPSMPERI ERLISPKPSMPERLISJPNPE  
RLISPKPSMJPNPERLISPKPSM, IDNDEDI IC DVDCM PERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP  
NPERLISPKPSMPERLISJPNPEI KERTAS 1 ERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMPER  
LIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPE ERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLI  
SPKPSMJPNPERLISPKPSMPERL (Tiga jam) KPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERL  
ISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISI RLISPKPSMPERLIJPNPERLISPKPSM  
PERLISJPNPERLISPKPSMPERI ISJPNPERLISSMIPNPERLISPKPSMIPNPERLISPKPS  
MPERLIJPNPERI (TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800) ISPKPSMJPN  
PERLISPKPSMJ... PERLISPKPS  
MPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIPKPSMPERLIJPNPERLISP  
KPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPE  
RLISPKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISP  
KPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPER  
LISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMPERLIJ  
NPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKP  
SMJPNPERLISPKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPN  
PERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLI  
SJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSM

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2010**



**ANJURAN  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PERLIS)**

SULIT

## **SKEMA PEMARKAHAN**

### **1. Huraikan kesan-kesan kehidupan masyarakat Zaman Neolitik kepada perkembangan tamadun awal manusia.**

#### **A. Pengenalan ( 3 m )**

1. Zaman prasejarah adalah zaman yang belum ada rekod bertulis tentang kehidupan manusia dan masyarakatnya.
2. Zaman ini juga dikenali sebagai zaman batu. Kehidupan masyarakat pada zaman ini dikesan daripada bukti arkeologi seperti fosil, monumen dan peralatan yang dibuat daripada batu yang dikaji oleh ahli-ahli arkeologi.
3. Zaman prasejarah dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu Zaman Paleolitik ( 500,000 SM hingga 10,000 SM), Zaman Mesolitik ( 10,000 SM hingga 7000 SM) dan Zaman Neolitik ( 7000SM hingga 3500SM).
4. Zaman Neolitik dikenali sebagai zaman prasejarah akhir atau zaman batu baru. Zaman Neolitik dianggap perintis kepada perkembangan tamadun awal dunia berikutan kewujudan beberapa ciri zaman itu dengan tamadun awal manusia. Kewujudan zaman tamadun awal manusia merupakan kesinambungan daripada beberapa ciri yang wujud pada zaman Neolitik. Ciri-ciri masyarakat Neolitik menunjukkan adanya perkembangan intelektual yang menyebabkan wujud dan berkembangnya tamadun manusia.

#### **B. Isi-isi Penting**

##### **Kesan-kesan Kehidupan Masyarakat Neolitik ( 7 isi x 3 : 21 m )**

##### **1. Hidup bermastautin atau membina petempatan kekal**

- Kemajuan pertanian (menanam dan menternak) membolehkan manusia mula membina kawasan penempatan kekal di kawasan yang subur, terutamanya di lembah sungai seperti Tigris atau Furat.
- Manusia tidak perlu lagi hidup secara nomad kerana kini dapat menyara hidup daripada bekalan makanan yang dihasilkan di kawasan tempat tinggal mereka.
- Kualiti pemakanan bertambah baik dan berjaya menampung jumlah penduduk yang ramai.
- Petempatan kekal ini mendorong pula kepada pertambahan penduduk dan kewujudan institusi sosial yang seterusnya menjadi perintis kearah kewujudan institusi politik.

##### **2. Memperkembangkan dan mengubah aspek pertanian**

- Pakar sejarah yakin penemuan kaedah menanam dan menternak binatang dimulai sekitar 10000 SM hingga 5000 SM lalu di Asia Barat.
- Di kawasan utama seperti di Jericho, Catal Huyuk, Iran, Syria, dan Iraq, manusia mula menanam gandum dan barli serta menternak binatang seperti kambing, biri-biri dan babi sebagai sumber makanan yang berterusan.

SULIT

- Aktiviti pertanian ini telah menggerakkan pula aktiviti perdagangan dengan menggunakan sistem tukar barang. Kegiatan ini menyebabkan berlakunya pertembungan dengan masyarakat luar.

### **3. Memajukan aspek teknologi**

- Pada zaman Neolitik, penemuan bajak dan roda sebagai kemajuan teknologi telah meningkatkan lagi daya pengeluaran hasil pertanian.
- Bajak menyebabkan manusia mula menggunakan tenaga binatang untuk membantu meringankan tugas mereka.
- Binatang seperti kuda atau kerbau dilatih untuk mengangkut barang atau membajak sawah.
- Penemuan roda memudahkan pengangkutan hasil pertanian ke bandar-bandar atau pelabuhan dan perkembangan pembuatan tembikar.

### **4. Mewujudkan pertambahan penduduk**

- Kemajuan pertanian dan teknologi pertanian pada zaman Neolitik menyebabkan manusia dapat mengawal dan menggunakan sumber alam. Perubahan ini menyebabkan kehidupan manusia menjadi lebih stabil, selamat dan terjamin daripada kebuluran atau ancaman lain.
- Kehidupan sebagai individu atau anggota masyarakat bertambah baik.
- Fenomena ini membawa kepada berlakunya peningkatan bilangan penduduk pada sesuatu kawasan dan akhirnya membentuk kawasan penempatan penduduk semakin kompleks seperti bentuk negara kota.

### **5. Mewujudkan pengkhususan kerja**

- Pada zaman Neolitik berhasalnya peningkatan daya pengeluaran hasil pertanian yang menjamin bekalan makanan mencukupi dan berterusan membolehkan sebahagian penduduk telah menjalankan aktiviti bukan pengeluaran pertanian seperti kegiatan pertukangan, kesenian dan kegiatan keagamaan yang melahirkan pusat ibadat.
- Hal ini mencetuskan proses pembahagian kerja dalam masyarakat.

### **6. Membentuk organisasi sosial**

- Perubahan kehidupan manusia bertambah kompleks menyebabkan berlakunya pengkhususan dalam menjalankan tugas tertentu yang bergantung kepada kemahiran dan kebolehan seseorang.
- Kini diperlukan pemimpin untuk memandu dan memberi arahan kepada semua anggota masyarakat.
- Tentera dan pahlawan diperlukan untuk mengawal dan menjaga keamanan daripada sebarang ancaman.
- Pendeta diperlukan untuk mengetuai kegiatan keagamaan,
- Petani menumpukan usaha mempertingkatkan hasil pertanian.

### **7. Mewujudkan institusi pemerintahan**

SULIT

- Pada zaman ini juga lahir institusi pemerintahan, pendidikan, keagamaan dan sebagainya untuk membolehkan manusia mengeksploitasi dan mengawal alam sekitar mereka seperti bencana alam (kemarau dan banjir).
- Pemimpin, pahlawan dan pendeta memikul sebagai orang yang berkuasa.

### **8. Mengasaskan kelahiran agama dan kepercayaan**

- Manusia pada zaman Neolitik sudah ada kepercayaan berkaitan dengan unsur dewa-dewi.
- Minda pemikiran konseptual ketuhanan ini dimanifestasikan melalui upacara agama dan simbol-simbol pemujaan.
- Mereka yakin dan percaya upacara menyeru bahan akan melipatgandakan pengeluaran pertanian.

### **9. Mewujudkan petempatan bandar**

- Perkembangan petempatan dan perkampungan yang tetap menyebabkan peningkatan bilangan penduduk.
- Kehidupan manusia secara kelompok dengan menjalankan aktiviti pertanian telah menyebabkan mereka mengalami proses perbandaran yang pesat seperti Bandar Catal Huyuk.

### **10. Mengasaskan sistem tulisan**

- Masyarakat Neolitik menjadi lebih kompleks dan merintis jalan ke arah perkembangan sistem tulisan.
- Sistem tulisan lahir kerana keperluan untuk menyimpan rekod-rekod hasil pertanian serta jumlah keluasan tanah yang semakin meningkat.

### **C. Kesimpulan ( 1 markah )**

- Neolitik merupakan zaman titik mula terbina tamadun awal manusia apabila mereka mula bercucuk tanam dan memelihara binatang telah menjana perkembangan faktor lain seperti teknologi, pengkhususan kerja, institusi politik dan sebagainya.
- Apa-apa sahaja yang berkaitan.

### **2. Bincangkan ciri-ciri sistem pemerintahan beraja di Alam Melayu**

#### **Pengenalan: ( 3M )**

Pemerintahan dapat didefinisikan sebagai institusi yang menggubal dasar dan peraturan serta melaksanakan keputusan-keputusan yang berkaitan dengan kepentingan awam. Terdapat pelbagai bentuk sistem pemerintahan dalam tamadun awal dunia yang bertujuan mengurus serta mentadbir sesebuah negara, menegakkan undang-undang negara, menegakkan undang-undang dan perpaduan rakyat. Sistem pemerintahan beraja merupakan sistem pemerintahan yang terawal dalam tamadun dunia. Pemerintahan beraja

SULIT

boleh dibahagikan kepada pemerintahan berpusat dan wilayah. Antara kerajaan awal di Alam Melayu yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja adalah seperti kerajaan Angkor, Srivijaya, Melaka, dan Majapahit. Terdapat pelbagai ciri sistem pemerintahan beraja di Alam Melayu sebelum abad ke-15M.

**ISI-ISI PENTING: ( 5 x 4M)**

**1. Raja sebagai simbol kosmos.**

Raja di alam Melayu sebelum abad ke 15M, adalah berasaskan konsep kosmologis. Raja merupakan simbol kosmos manakala rakyat berada di bawah penguasaannya. Lahir konsep dewaraja. Raja adalah jelmaan dewa Shiva, Vishnu, dan Buddha. Raja mempunyai kuasa suci dan berdaulat. Pemujaan dewa berkembang secara meluas di Alam Melayu pada zaman Hindu Buddha. Cth: Raja Air Langga dan Ken Arok dianggap sebagai penjelmaan dewa Vishnu.

Di Srivijaya pula, raja dianggap sebagai penjelmaan Dewa Amoghapasha Avalokitesvara. Amalan pemujaan raja berkembang di Srivijaya dari abad ke 7 hingga abad ke 14 M. Rakyat dikehendaki mencurahkan taat setia yang tidak berbelahbagi. Rakyat yang menentang raja akan menerima hukuman seperti ditimpa tulah.

**2. Raja berkuasa mutlak.**

Raja merupakan autoriti tertinggi dalam pemerintahan negara. Raja memerintah dengan kuasa mutlak. Kekuasaan baginda dikukuhkan dengan cara mengaitkannya dengan asal-usul keturunannya dengan tokoh-tokoh terkenal seperti Iskandar Zulkarnain. Raja melebihi undang-undang dan hukuman ditangannya. Raja boleh mengampun kesalahan walaupun yang melakukan kesalahan adalah dirinya sendiri. Raja kekal daripada sebarang hukuman.

**3. Raja sebagai ketua dalam semua bidang.**

Raja bertindak sebagai panglima tentera, ketua hakim, ketua agama dan sebagainya. Dalam bidang ketenteraan, raja bertindak sebagai perancang, dan mengetuai pasukan tentera. Dalam hal-hal keagamaan, raja bertanggungjawab dalam pengurusan rumah ibadat, melantik ketua agama, serta upacara keagamaan. Raja berkuasa penuh dalam bidang kewangan, dan ekonomi seperti pungutan cukai, hasil pertanian, perniagaan dan semua perkhidmatan. Raja dianggap tuan punya tanah.

**4. Raja sebagai ketua eksekutif .**

Dalam pentadbiran beraja di Alam Melayu sebelum abad ke 15M, raja merupakan ketua tertinggi dengan dibantu oleh golongan bangsawan. Raja dibantu oleh golongan kerabat diraja yang dilantik seperti bendahara, laksamana, temenggung, syahbandar dan lain-lain di Melaka. Di Srivijaya pula, terdapat jemaah menteri yang menasihati raja dalam perkara yang berkaitan dengan masalah rakyat jelata.

**5. Raja mempunyai daulat dan kesaktian.**

Raja dianggap mempunyai daulat dan kesaktian. Pada zaman Srivijaya, konsep daulat berkembang apabila raja dikaitkan dengan pelbagai mitos tentang asal-usul, jurai keturunan, salasilah serta kelebihan fizikal dan kerohaniannya. Dari segi keturunan, raja-raja dikaitkan dengan dewa-dewa yang dianggap suci. Daulat juga dihubungkan dengan tuah yang dimiliki oleh raja. Apabila keadaan dalam Negara

aman dan makmur, maka raja dianggap berdaulat. Rakyat dikehendaki menumpahkan taat setia yang tidak berbelahbagi terhadapnya. Sesiapa yang menentang raja dianggap menderhaka. Penderhaka akan ditimpa tular dan sumpahan.

#### Kesimpulan ( 1M)

Jelaslah bahawa kerajaan-kerajaan awal di Alam Melayu mengamalkan pemerintahan beraja. Sistem beraja di Alam Melayu sebelum abad ke 15M merupakan gabungan sistem tempatan dan pengaruh agama Hindu serta Buddha. Raja berkuasa menggubal undang-undang untuk mengukuhkan kedudukannya, menjatuhkan hukuman mati, memegang jawatan penting dan bertindak menurut keperluannya.

### **3 : Bincangkan sumbangan Kautilya dalam bidang ketenteraan pada zaman India klasik.**

#### **A. Pendahuluan (3m)**

1. Pada zaman tamadun awal, kekuatan fizikal dan ketenteraan amat penting untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara.
2. Kautilya merupakan pemikir ketenteraan India dan seorang negarawan serta ahli falsafah yang hidup pada abad ke-3 SM.
3. Pemikir ketenteraan ialah tokoh-tokoh yang memberikan sumbangan kepada pertahanan dan ketahanan sesebuah negara melalui falsafah pemikiran mereka.
4. Karya terkemuka yang dihasilkan oleh Kautilya ialah *Arthashastra* atau *Science of Gain (of power)* pada pemerintahan Maurya.

#### **B. Isi-isi Penting ( 5 x 4 m = 20 m )**

#### **Sumbangan Kautilya**

##### **1. Idea Tentang Hubungan Dengan Negara Lain**

- Buku *Arthashastra* menyarankan enam bentuk hubungan antara satu negara dengan negara lain.
- Hubungan pertama ialah mementingkan keamanan. Pada tahap ini aktiviti ketenteraan tidak dilakukan.

SULIT

- Hubungan kedua ialah bersedia untuk berperang. Peperangan dilancarkan apabila keamanan tidak dapat dipertahankan.
- Hubungan ketiga ialah membiarkan musuh melancarkan serangan pertama. Pada tahap ini strategi yang digunakan ialah bertahan dan bersedia menghadapi serangan musuh.
- Hubungan keempat ialah melancarkan serangan pertama.
- Hubungan kelima ialah bersekutu dengan musuh. Peperangan dapat ditangguhkan sementara waktu melalui cara ini.
- Hubungan keenam ialah mempraktikkan dasar duaan, iaitu berbaik-baik dengan satu musuh dan menyerang musuh lain. Kaedah ini digunakan apabila menghadapi lebih daripada satu musuh dalam satu masa.

## **2. Strategi Memenangi Peperangan**

- Terdapat empat strategi atau langkah yang disarankan oleh Kautilya dalam menghadapi musuh iaitu :
  - Pertama memujuk musuh dengan mengadakan perbincangan
  - Kedua memujuk musuh dengan memberi rasuah
  - Ketiga menanam benih perpecahan dan persengketaan
  - Keempat melancarkan peperangan jika usaha tersebut menemui kegagalan

## **3. Saranan Kepada Pemerintah**

- Pemerintah harus memahami kekuatan sendiri dan kekuatan musuh.
- Menurut Kautilya, kekuatan tentera tidak mencukupi untuk memastikan kemenangan.
- Pemerintah harus mengkaji kekuatan sendiri dan kelemahan musuh sebelum melancarkan serangan.
- Pengetahuan tentang kekuatan musuh memberi peluang kepada pemerintah untuk memperkasakan pasukan tentera sendiri supaya setanding atau lebih baik daripada tentera musuh.

## **4. Kepentingan Komplot**

- Kautilya menyarankan tentang kepentingan komplot atau konspirasi ketika menghadapi musuh dalam medan peperangan.
- Kemampuan mengatur konspirasi lebih baik daripada kegagahan dan kehandalan berperang.
- Komplot atau konspirasi membantu memecahbelahkan musuh tanpa melibatkan diri dalam peperangan dan mengorbankan banyak nyawa.

## **5. Penggunaan Kaedah Subversif**

- Pemerintah boleh menggunakan kaedah subversif seperti merasuah dan menghantar perisik bagi menjatuhkan pihak lawan

SULIT

- Kautilya menyarankan jika peperangan tidak menunjukkan kemenangan dan memakan masa yang panjang, maka pemerintah perlu menggunakan taktik yang tidak bermoral .
- Antara taktik yang disarankan termasuklah menggunakan perisik untuk mencari maklumat, menggunakan pelacur untuk menggoda askar musuh, memberi rasuah kepada pegawai tentera, tukang masak dan sesiapa dalam istana.

#### **6. Menyerang pada waktu yang sesuai**

- Kautilya menyarankan agar serangan dilancarkan pada waktu yang sesuai.
- Waktu yang dipilih untuk berperang menentukan kejayaan atau kegagalan dalam peperangan.
- Menurut beliau, serangan harus dilakukan ketika musuh berada dalam keadaan leka, menghadapi masalah kekurangan makanan dan berlaku perpecahan di kalangan musuh.

#### **7. Pengaruh Teks Arthashastra terhadap spiritual dan keagamaan**

- Karya Arthashastra banyak mempengaruhi pahlawan dan raja-raja Hindu seperti raja Rajput dan Marathas yang percaya mereka perlu berjuang sehingga mati dalam usaha untuk memenuhi matlamat spiritual .
- Kematian dalam peperangan bertujuan untuk membebaskan diri daripada rantai kelahiran semula dan mencapai Nirwana.

### **C. Kesimpulan ( 2 m)**

1. Kautilya merupakan antara pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan yang besar dalam bidang ketenteraan.
2. Idea yang disarankan melalui karya beliau iaitu *Arthashastra* banyak membantu pemerintah India dalam usaha mengukuhkan kuasa dan melahirkan kerajaan yang mantap.

### **4. Huraikan perubahan-perubahan dalam sejarah dunia yang berpunca daripada pencapaian peneroka-peneroka Sepanyol dan Portugis pada abad ke-15 dan abad ke-16 Masihi.**

#### **A. Pengenalan (3M)**

1. Pada pertengahan kurun ke-15, orang-orang Portugal telah menjumpai pulau-pulau Madeira dan Azores di Lautan Atlantik dan berjaya menerokai kawasan pinggir Afrika Barat sehingga Guinea. Pada tahun 1497, Vasco da Gama juga berjaya mengelilingi Benua Afrika dan berlayar ke India manakala pada tahun 1492 seorang Genoe,

SULIT



Christopher Columbus telah menyeberang Laut Atlantik dan mendarat di Hindia Barat yang dipercayai sebahagian Benua Asia. Pencapaian mereka memang membuka suatu tahap baru dalam sejarah dunia dengan berlakunya banyak perubahan. Ahli sejarah pernah menyatakan bahawa pencapaian mereka telah merupakan titik permulaan sejarah Eropah moden.

2. Peranan Putera Henry dan Ferdinand menggalakkan penerokaan dan penjelajahan.
3. Faktor-faktor yang menggalakkan penjelajahan dan penerokaan. Di antara faktor tersebut ialah tiga 'G.'

## **B. Isi(21m-7isix3m)**

### **Perubahan-perubahan dalam Sejarah Dunia**

#### **1. Memperluaskan Tanah Jajahan ,**

Buat pertama kali kuasa-kuasa Eropah telah berjaya memperluaskan tanah jajahannya di luar Eropah. Di benua Asia, Portugal telah menubuh empayar maritim yang menguasai jalan laut di Lautan India, Asia Tenggara sehingga negeri China.

#### **2. Perdagangan di Asia**

Perdagangan di Asia telah didominasi oleh Portugal melalui penubuhan satu jalinan pusat kuasa dan perdagangan di pelabuhan-pelabuhan strategik seperti Socotra, Hormuz, Aden, Goa, Melaka, Moluccas, dan Macao. Pada kurun ke-16, Portugal telah muncul sebagai kuasa perdagangan yang dominan - di Asia Tenggara ia merapatkan hubungan dengan Burma, Siam, dan Kepulauan Asia Tenggara, di Timur Jauh dengan Jepun dan China, dan di Eropah berjaya menggantikan peranan Venice sebagai kuasa perdagangan.

#### **3. Perkembangan Agama Kristian luar Eropah.**

Dan pusat-pusat itu, agama Kristian juga tersebar terutamanya oleh golongan Franciscian. Penaklukan dan pemerintahan diikuti dengan penyebaran agama Kristian. Melalui Gereja Katolik, unsur-unsur kebudayaan Sepanyol seperti bahasa dan cara kehidupan telah diperkenalkan kepada orang-orang tempatan.

#### **4. Pengaliran Kekayaan ke Eropah**

Berikutan daripada penjelajahan Columbus, orang-orang Sepanyol mulai menduduki beberapa kawasan di Hindia Barat, iaitu Hispaniola dan Cuba dengan bermotif memperolehi tanah untuk pertanian dan emas. Hernan Cortes merampas Mexico daripada Aztec. Dataran Tinggi Mexico adalah kaya dengan emas dan sesuai sekali untuk pertanian perladangan. Pada tahun 1531, Pizarro menakluki Peru yang lombong peraknya di Potosi adalah sumber kekayaan kepada Eropah selama tiga kurun. Menjelang 1700 T.M. tiga kawasan utama telah diduduki: Mexico, Peru, dan Kepulauan Caribbean dan pengendalian ekonominya tertakluk kepada kepentingan Sepanyol.

#### **5. Perpindahan Pusat Perdagangan ke Eropah Barat**

Kesan-kesan ke atas Eropah boleh dilihat daripada beberapa sudut. Pusat-pusat perdagangan di Eropah yang dulunya bertapak di Eropah Selatan mulai berpindah ke Eropah Barat, iaitu Lisbon, Bordeaux, Liverpool, Bristol, dan Amsterdam. Antara barang-

SULIT

barang import ialah makanan dari Amerika Selatan yang dapat menyumbang kepada pertambahan bilangan penduduk di Eropah.

#### **6. Kelahiran Ekonomi Kapitalisme**

Kekayaan dari koloni-koloni yang mengalir ke Eropah akhirnya memberi suatu asas yang kukuh untuk kelahiran ekonomi kapitalisme. Kapitalisme bermula dengan revolusi komersil yang menitikberatkan pasaran eksport, modal persendirian, keuntungan, dan penindasan tenaga buruh murah. Pada jangkamasa panjang, penjelajahan dan penerokaan menandakan titik perubahan daripada ekonomi feodal kepada ekonomi kapitalisme.

#### **7. Kesan Sosial ke atas Masyarakat Eropah dan Koloni**

Penjelajahan juga membawa banyak kesan-kesan buruk kepada masyarakat Eropah dan koloni. Di Eropah, kekayaan baru kian meningkatkan kadar kos kehidupan dengan kenaikan barang-barang keperluan. Juga mempertajamkan jurang perbezaan sosial - memperketatkan stratifikasi masyarakat mengikut kekayaan. Di koloni, kedatangan orang-orang Eropah telah memperkenalkan penyakit-penyakit baru yang membawa kepada kenaikan kadar kematian orang-orang tempatan.

#### **8. Mempercepat Kemosrotan Pengaruh Pedagang Islam**

Penguasaan perdagangan di Laut Mediterranean dan Lautan Hindi oleh pedagang Islam telah merosot kesan daripada penerokaan kuasa Eropah terutamanya Portugis.

#### **9. Perubahan Ekologi**

Dari segi flora dan fauna dengan beberapa jenis pokok dan binatang dari Asia dan Eropah diperkenalkan ke Amerika Utara dan Selatan dan sebaliknya. Misalnya, jagung, tomato, ubi kentang dan ayam.

#### **10. Asimilasi antara penjajah dengan penduduk tempatan**

Berlakunya kahwin campur antara penjajah dengan penduduk tempatan contoh di Amerika Selatan dan Filipina. Bahasa Sepanyol mempengaruhi bahasa tempatan.

11. Perkembangan ilmu pengetahuan khususnya ilmu pelayaran. (Kompas, kapal layar dll).

### **C. Kesimpulan (2m)**

Apa sahaja berkaitan.

#### **5. Pendidikan menjadi pemangkin kepada perkembangan tamadun. Nilaiikan peranan institusi pendidikan di Alam Melayu.**

#### **A. Pengenalan ( 3markah )**

- Pendidikan adalah proses pembelajaran yang baik terutamanya melalui pengajaran. Peranan pendidikan ialah untuk meningkatkan pemikiran individu supaya dapat

SULIT

menyelesaikan sesuatu masalah atau membuat penyesuaian mengikut pertimbangan atau kecenderungan mereka.

- Institusi pendidikan merujuk kepada sistem pendidikan yang merangkumi aspek kemudahan, organisasi, pentadbiran dan tempat sesuatu pendidikan itu dijalankan. Ini termasuklah sekolah, istana, kolej dan universiti menjadi saluran penting dalam menyampaikan pengajaran secara berkesan kepada masyarakat.
- Dalam konteks Alam Melayu, institusi pendidikan juga meliputi rumah-rumah ulama, surau, madrasah, masjid dan pondok.
- Alam Melayu merujuk kepada kerajaan Melayu di Asia Tenggara seperti Pasai, Melaka dan Aceh.

## **B. Isi-isi Penting**

### **Peranan institusi pendidikan di Alam Melayu ( 5 isi x 4 : 20 markah)**

#### **1. Istana**

- Di kalangan masyarakat Melayu, istana raja merupakan pusat tumpuan segala kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Memandangkan masyarakat Melayu kurang mempunyai prasarana pendidikan maka istanalah yang menjadi pusat dan tumpuan golongan intelektual terutama selepas kedatangan Islam. Tambahan pula golongan sarjana sering dinaungi oleh pemerintah.
- Pada abad ke- 14 M iaitu zaman pemerintahan Sultan Malik al-Zahir, istana Raja Pasai telah menjadi pusat pengajian agama Islam yang terpenting. Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, istana sultan menjadi pusat perbincangan, perdebatan dan pengajian agama Islam. Aktiviti penyalinan dan penterjemahan buku-buku agama Islam dan Arab telah dilakukan.
- Kebanyakan golongan terpelajar di istana terdiri daripada golongan ulama asing. Malahan, sultan-sultan Melaka seperti Sultan Mansur Shah dan Sultan Mahmud Shah telah menggalakkan perkembangan ilmu dan mendalami erti agama Islam. Sultan Mansur Shah telah belajar dengan Maulana Abu Bakar.
- Selepas kejatuhan Melaka, Aceh telah menjadi pusat pengajian agama Islam terutamanya ilmu tasawuf pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan Iskandar Thani. Antara tokoh-tokoh tasawuf yang terkenal Hamzah Fansuri, Shamsuddin Al-Sumatrani dan Nuruddin Al Raniri.
- Naungan pihak sultan dan istana pada zaman Pasai, Melaka dan Aceh telah meningkatkan mutu pendidikan dan membawa kepada perkembangan agama Islam. Ketinggian mutu pendidikan rantau Nusantara dapat dilihat dengan penghasilan buku-buku seperti Salatus Al Salatin oleh Tun Seri Lanang dan Tuhfat Al Nafis oleh Raja Al Haji.

#### **2. Sekolah pondok**

- Sekolah pondok adalah institusi pendidikan formal yang penting, terawal dan berpengaruh di kalangan masyarakat Islam Asia Tenggara. Sekolah pondok ini dikenali dengan pelbagai nama seperti Pondok di Tanah Melayu dan selatan Thailand, Dayah di Aceh dan Pasai (Utara Sumatera), Surau di Minangkabau, Pesantren di Jawa dan Pengajian di Sulawesi.

- Sekolah-sekolah pondok ini merujuk pada satu kawasan khas yang hanya khusus untuk kegiatan pengajian ilmu. Pelajar-pelajarnya akan tinggal di kawasan sekolah pondok mereka dan mempraktikkan semua yang mereka pelajari di sana.
- Secara asasnya, kawasan-kawasan sekolah pondok mempunyai beberapa bangunan seperti balai pengajian (tempat belajar), rumah tuan guru, asrama tempat pelajar menginap dan tempat beribadat (sama ada surau atau masjid). Mereka hidup dalam komuniti sekolah pondok tanpa gangguan masyarakat luar. Sekolah pondok yang terawal di Alam Melayu ialah Dayah di Perlak dan antara yang paling terkenal ialah Dayah Ce Breek dan Dayah Cot Kola / Kala.
- Mata pelajaran yang diajar ialah kesusasteraan Arab, ilmu Falak, Sejarah, akhlak dan Matematik. Guru-guru di sekolah pondok tidak dibayar gaji tetapi mereka menerima pemberian daripada ibu bapa murid-murid.

### **3. Masjid**

- Masjid juga merupakan pusat pendidikan yang penting di negeri-negeri Melayu. Ibnu Battutah mencatatkan bahawa masjid di Pasai adalah masjid yang pertama di Asia Tenggara yang dijadikan pusat pengajian ilmu. Malah Sultan Pasai sendiri pernah datang ke masjid untuk menyertai majlis-majlis ilmu.
- Guru-guru berkhidmat secara sukarela dan mata pelajaran yang diajar ialah feqah, usuluddin, tasawuf, hadis, tafsir dan lain-lain.

### **4. Rumah-rumah ulama**

- Di Melaka, rumah-rumah ulama turut menjadi pusat pengajian ilmu. Dalam kitab Sejarah Melayu ada diceritakan kisah Sultan Mahmud Shah berguru di rumah Maulana Yusuf. Baginda datang menaiki gajah. Maulana Yusuf menyuruh baginda balik ke istana dan datang semula dengan berjalan kaki. Sultan Mahmud Shah menuruti sahaja arahan Maulana Yusuf itu. Ini jelas menggambarkan pengaruh ulama dan rumah mereka sebagai pusat pengajian ilmu di Melaka.

### **5. Rumah kediaman**

- Masyarakat Melayu tradisional mendidik anak-anak mereka secara tidak formal di rumah masing-masing. Ibu bapa atau anggota keluarga yang lebih tua akan menurunkan ilmu mereka melalui kerja-kerja yang dilakukan seharian. Anak perempuan akan diasuh dengan ilmu-ilmu kraftangan, kesenian, masak-memasak dan sebagainya yang berkaitan dengan pembentukan peribadi wanita. Anak-anak lelaki pula akan diajar oleh bapa mereka cara-cara pertukangan dan seni mempertahankan diri.
- Selepas kedatangan Islam, ilmu pendidikan secara tidak formal turut meliputi pengajian Al Quran. Kanak-kanak Islam lelaki dan perempuan akan pergi mengaji di rumah-rumah ustaz. Mereka akan diajar mengenal huruf-huruf Arab (huruf kalam Al Quran) dan tulisan jawi. Pendidikan lain yang mereka terima ialah cara-cara bersembahyang, akhlak dan hukum halal-haram dalam agama.

### **6. Institusi pendidikan formal di Aceh**

- Terdapat 3 institusi pendidikan formal iaitu Meunasah, Rangkang dan Jamiah Bait Al Rahman.

- Meunasah merupakan institusi pendidikan peringkat rendah yang memberi perhatian kepada membaca dan menulis serta pelajaran fardhu ain. Manakala institusi peringkat menengah yang dikenali sebagai rangkang menumpukan pelbagai disiplin ilmu agama dan mengutamakan pelajaran umum.
- Sementara Bait Al Rahman yang merupakan institusi pendidikan tinggi atau universiti bukan sekadar menjadi masjid malah tempat umat Islam menuntut ilmu dengan kewujudan tujuh belas fakulti (dar) seperti Dar Al Tafsir, Dar Al Thib, Dar Al Kimia dan lain-lain.

### **C. Kesimpulan ( 2 markah )**

- Institusi istana memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan.
- Institusi pendidikan memberikan penekanan kepada aspek keagamaan.

### **6. Bincangkan sumbangan dan pencapaian masyarakat Yunani dalam bidang Matematik**

#### **Pengenalan: (3M)**

Ilmu matematik mengalami perkembangan pesat dalam semua tamadun dunia. Kepesatan perkembangan Ilmu Matematik Eropah diwakili oleh matematik Yunani. Terdapat banyak sumbangan ahli-ahli matematik Yunani kepada tamadun manusia seperti Thales, Archytas, Euclid, Archimedes, Apollonius, dan Ptolemy serta lain-lain.

#### **ISI-ISI PENTING( 5 x 4M)**

##### **1. Maklumat geometri.**

Maklumat geometri yang dikemukakan oleh Thales adalah bulatan apabila dibahagi dua sama adalah sama besar, sudut tapak segi tiga sama adalah sama besar, dan pada dua garis lurus yang memotong satu sama lain, sudut yang bertentangan adalah sama luas. Thales dapat mengukur saiz sesebuah kapal di laut dengan menggunakan prinsip segi tiga sama. Dalam mengukur tinggi sesebuah piramid, beliau membandingkan panjang bayang-bayangnya dengan bayang-bayang sesuatu benda yang diketahui tingginya.

##### **2. Teorem Pythagoras.**

Sumbangan tokoh lain adalah Pythagoras ( 580SM-500SM). Beliau mempelajari matematik Mesir dan Babylon. Beliau mengasaskan sebuah sekolah di Itali dan menyebarkan ideanya di kalangan golongan atasan. Mengasaskan satu gerakan saintifik yang amat berpengaruh dikenali sebagai pengikut Pythagoras. Pythagoras memberi nilai istimewa kepada angka 1, 4, dan 10. Permulaan setiap angka adalah 1. Angka 4 adalah angka yang paling sempurna dan berkaitan dengan roh dalam

tubuh manusia. Angka 10 adalah angka yang paling agung kerana angka-angka selepas itu adalah ulangan angka-angka sebelum itu.

**3. Mencipta sistem nombor Herodiani dan Ionic.**

Sistem ini menggunakan angka yang terdiri daripada garis-garis. Ionic adalah huruf abjad Yunani yang digunakan untuk menyatakan angka dengan memberikan nilai kepada abjad-abjad tersebut.

**4. Mencipta asas kepada ilmu matematik moden.**

Tokoh matematik yang terlibat adalah Euclid dengan karyanya Elements yang mengandungi konsep-konsep asas akisom, teorem, dan postulat yang menjadi asas kepada ilmu matematik moden.

**5. Mengasaskan ilmu Trigonometri.**

Trigonometri adalah sumbangan orang Yunani yang seterusnya. Ptolemy menggunakan pengiraan trigonometri dalam bidang astronomi. Beliau menggunakan matematik untuk menerangkan pergerakan planet berputar sambil beredar mengelilingi bumi. Tokohnya adalah Hippocrates dan Nacaca. Beliau menghasilkan jadual trigonometri yang pertama.

**KESIMPULAN( 1M)**

Jelaslah daripada huraian di atas, ilmu matematik berkembang pada zaman tamadun Yunani. Ilmu ini telah dikembangkan oleh ahli-ahli falsafah Yunani yang terkenal pada masa itu. Antaranya ialah Thales, Phythagoras, Archimedes dan lain-lain. Sumbangan mereka dalam perkembangan ilmu pengetahuan amat jelas dan berjaya melahirkan tradisi ilmu yang dapat mempengaruhi tamadun-tamadun lain seperti ilmu logik, matematik dan astronomi.

**7 : Bandingkan objektif pelayaran dan penerokaan antara tamadun China dan Islam**

**Pendahuluan (3M)**

1. Maksud pelayaran dan penerokaan
2. Latar belakang tamadun China dan Islam dan tokoh
3. Latar belakang tamadun Islam dan tokoh

**Isi (5 X 4M =20M)**

**Persamaan**

**1 Agama**

**China**

- Pada tahun 399M, orang China melakukan penerokaan ke India utk mendalami ajaran Buddha.

SULIT

- Mubaligh Fa Xian telah merentasi Gurun Taklamakan dalam perjalanannya ke India. Beliau berusaha mempelajari ajaran Buddha yang tulen dan kemudiannya kembali ke China melalui jalan laut.
- Mubaligh Xuang Zang telah mengembara ke India melalui Samarkhan dan berjaya mengumpulkan buku suci Buddha utk dibawa ke China

#### **Islam**

- Menyebarkan dakwah Islam .
- Pada zaman Rasulullah baginda menghantar para pendakwah spt Muaz bin Jabal ke Yaman.
- Pada zaman Saidina Umar bin Abdul Aziz ramai pendakwah menjelajah keseluruhan dunia untuk menyebarkan islam .
- Sheikh Ismail menyebarkan Islam ke Aceh dan Maulana Ibrahim ke Gerisek, Jawa .

### **2. Meluaskan wilayah**

#### **China**

- Maharaja Wu Ti hantar misi ke Yueh Chih bagi mengadakan pakatan menentang puak Hsiung Nu yg mengancam sempadan Utara China dan misi tersebut berjaya.
- China berjaya menguasai sebahagian Asia Tengah termasuk Lembah Tarim.
- Pada abad pertama Masihi, General Pan Chao dilantik sebagai wizurai Kashgar dan meluaskan pengaruh hingga ke sempadan Syria .

#### **Islam**

- Bagi memperkukuhkan politik Islam , banyak penerokaan baru dilakukan oleh pemerintah Islam.
- Contoh kerajaan Bani Umayyah Zaman Abd Malik bin Marwan dan Walid bin Abd Malik seluruh Afrika Utara, Semenanjung Seberia dan India utara dikuasai Islam

### **3. Perdagangan**

#### **China**

- telah berjaya menemui laluan sutera ke barat. Melalui jalan ini mereka telah membawa bendela sutera yang berharga ke Eropah dan membawa balik barang dagangan dari barat seperti bulu binatang dan batu permata.
- Kapal-kapal dagang China telah sampai ke Jawa Timur dan Pulau Maluku.
- Semasa pemerintahan Maharaja Yung Lo , Laksamana Cheng Ho telah mengetuai ekspedisi pelayaran ke Asia Tenggara untuk memperluaskan perdagangan melalui sistem ufti.

#### **Islam**

- Pada zaman Khalifah Al-Walid , para pedagang Islam telah mengadakan hubungan perdagangan hingga ke negeri China.

- Pedagang Islam terkenal sebagai pedagang yang terawal menguasai jalan perdagangan laut antara barat dan timur.
- Mereka telah menjalinkan hubungan perdagangan di Asia Tenggara, India dan China. Mereka berjaya menguasai perdagangan rempah dan sutera dari timur.

#### 4. Ilmu Pengetahuan

##### Islam

- bertujuan menambah ilmu pengetahuan. Melalui aktiviti ini orang islam dapat mempelajari ilmu pengetahuan tamadun lain seperti Itali , India dan Andalus.
- Kedatangan orang Islam ke Mesir menyebabkan banyak karya intelek Yunani diterjemah ke dalam bahasa arab dan Parsi.
- Bidang perubatan, astronomi dan matematik Yunani dan India dipelajari dan mempengaruhi perkembangan intelektual islam.

##### China

- Tokoh pelayaran China seperti I-Ching , Fahsien mengembara dengan tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan terutama berkait dengan bahasa Sanskrit , budaya dan agama.
- Fa-Hsien berjaya menghasilkan buku yg memberi deskripsi lengkap tentang sistem politik ,ekonomi dan sosial masyarakat India.
- I-Ching berjaya kumpul 4000 naskah yg ada 500 ribu seloka Tripitaka dari India dan diterjemahkan dalam 230 buah jilid buku

#### 5. Diplomatik

##### China

- Pada abad pertama masihi orang China mengembara dengan tujuan misi politik.
- Utusan China sampai ke Constantinople dan mengadakan hubungan dengnn empayar Rom.
- Pada abad ke 15 Maharaja Ming menghantar utusan diplomatik ke Negara luar.
- Utusan laksamana Cheng Ho berjaya menjalinkan hubungan dengan kesultanan Melayu Melaka . Ini dapat meluaskan pengaruh dan kekuasaan China

##### Islam

- Menghantar utusan untuk jalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar.
- Zaman Nabi menghantar utusan ke Parsi dan Habsyah. Utusan Nabi diterima baik.
- Sultan Aceh sultan Alauddin Riayat Shah hantar utusan ke Istanbul menemui sultan Ahmad 1 sebagai balasan sultan Turki telah mengirimi bintang yang tertinggi kepada sultan Aceh



## Perbezaan

### 6. Agama

#### China – tiada dorongan agama

- memperkuatkan pertahanan, lemahkan musuh dan menyelamatkan sempadan China.
- Maharaja Wu Ti hantar ekspedisi ke Farghanah untuk mencari sejenis baka kuda yang besar dan kuat untuk kegunaan pasukan tentera dan melindungi bahagian timur dan barat China drpd diserang oleh orang Hsiung-Nu

#### Islam – Dorongan agama

- firman Allah Surah al-Jumuah ayat 9
- Surah al-Haj ayat 46 –bukti pentingnya P & P
- Mendalami ilmu geografi dan pelayaran seperti lahirnya al-Masudi, Ibn Batuttah yang telah merekod pengalaman pelayarannya tentang iklim , sungai ,angin dan monson dll.

## Kesimpulan (2m)

Apa sahaja yang berkaitan

### 8. Jelaskan ciri-ciri seni bina menurut pandangan Barat dan Islam .

#### PENDAHULUAN( 3m)

Kesenian meliputi suatu bidang yang luas antaranya kesusasteraan, muzik, senibina, seni ukir, seni lukis, teater, kaligrafi dan lain-lain. Seni bina boleh didefinisikan sebagai kecekapan merancang dan membuat bangunan yang indah sesuai dengan maksud dan tujuan .Seni bina sering melambangkan pencapaian sesuatu tamadun dari segi fizikal dan teknologi. Antara seni bina Eropah dengan seni bina Islam , terdapat beberapa unsur persamaan dan perbezaan.

#### ISI-ISI PENTING( 20m)

##### 1. Ciri-ciri seni bina Barat ( 5 x 2M)

- i. Mementingkan konsep erete( memenuhi kehendak jiwa, minda, dan rohani) dan memperlihatkan luahan perasaan dan bangunan dibina untuk tujuan keagamaan dan sosial.
- ii. Pada zaman Graeco Roman, seni binanya mewakili bangunan besar yang menonjolkan keagungan dan kemegahan.
- iii. Pembinaan bangunan awam bersifat besar dan mempunyai kegunaan untuk orang ramai, ini merangsang sifat keagungan masyarakat Eropah yang berjaya dalam pemerintahan.
- iv. Struktur pembinaan banyak menggunakan ruang, penataan cahaya, warna yang tidak terhad, dan bumbung yang tinggi.

SULIT

- v. Binaan bercorak keagamaan ditonjolkan melalui pembinaan biara, dan gereja. Patung-patung dibina dengan cantik sebagai hiasan di rumah-rumah ibadat.
- vi. Pada zaman kemuncak pertengahan, seni bina Eropah dipengaruhi nilai-nilai kapitalisme dan melambangkan kemewahan dan masyarakat menekankan kecantikan bangunan dan kesempurnaan ( seni bina Gothic) diutamakan.

### **1. Ciri-ciri seni bina Islam. (5 X 2M)**

- i. Seni bina Islam mesti diseimbangkan dengan pembangunan akidah, syarak, dan akhlak iaitu keseimbangan fizikal, dan kerohanian.
- ii. Tidak menunjukkan keagungan atau kebesaran.
- iii. Tumpuan lebih diberikan kepada ruang dalam daripada bahagian depan atau luar bangunan.
- iv. Ruang dalam bertujuan untuk menimbulkan keselesaan dan bersifat persendirian
- v. Bahagian luar bangunan tidak menggambarkan organisasi atau kegunaan bangunan. Hanya apabila seseorang masuk ke dalam bangunan tersebut akan dapat dilihat sifat tersembunyi ini
- vi. Bangunan Islam mempunyai pelbagai kegunaan seperti madrasah, masjid, dan tempat singgah para pedagang
- vii. Bangunan dalam Islam mempunyai ruang kemasukan udara ke dalam bangunan tersebut untuk keselesaan umat Islam bersolat. Terdapat ruang bilik yang memisahkan kaum lelaki dan wanita.
- viii. Reka bentuk bangunannya sesuai dengan iklim sesuatu tempat.
- ix. Perabot dalam bangunan mesti sederhana dan indah. Dihias dengan khat dan kaligrafi.
- x. Bercirikan luahan perasaan, keamanan, ketenangan, dan keheningan. Tidak wujud pertentangan antara kerohanian dengan kebendaan
- xi. Bangunannya hendaklah kukuh dan selamat digunakan bagi jangka waktu yang lama.

### **Kesimpulan( 2m)**

Seni bina Eropah dan Islam memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan bidang seni ini. Seni bina Eropah mempunyai ciri-ciri seni bina yang cantik, menarik dan harmoni dengan alam sekitar tetapi seni bina Islam adalah jelas dan tersendiri serta membangkitkan keimanan dan merendahkan diri kepada Allah SWT.

## **9 : Jelaskan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat Arab selepas kedatangan Islam.**

### **A. Pendahuluan (3m)**

SULIT

1. Zaman sebelum kedatangan Islam dikenali sebagai zaman jahiliah. Zaman ini muncul selepas berakhirnya era kerajaan Saba' iaitu pada kira-kira 300 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w dan berakhir setelah turunnya wahyu dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

2. Nabi Muhammad s.a.w. telah menerima wahyu pertama , iaitu surah al-Alaq, ayat 1 hingga 5 pada hari Isnin bersamaan 17 Ramadan (6 Ogos 610 M) melalui malaikat Jibrail. Penerimaan wahyu pertama ini menandakan peralihan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai nabi dan rasul bagi seluruh umat .

3. Kedatangan agama Islam telah membawa perubahan yang besar ke atas masyarakat Arab terutamanya masyarakat di Madinah.

## **B. Isi-isi Penting (5 x 4 m = 20 m)**

### **Perubahan-Perubahan yang berlaku dalam masyarakat Arab selepas kedatangan Islam**

#### **1. Aspek Agama dan Kepercayaan**

- Kesesatan agama di kalangan masyarakat Arab Jahiliah mempunyai kaitan rapat dengan ketiadaan petunjuk dan pedoman daripada kitab suci dan rasul pada masa itu sehingga mereka tunduk kepada kuasa berhala dan menganut agama berhala (wathani). Agama menyembah berhala adalah agama yang paling dominan dan banyak diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliah. Antara nama berhala yang terkenal ialah al-Latta, al-Uzza, al- Manat dan Hubal. Agama lain yang diamalkan ialah agama Majusi, Yahudi, Nasrani dan agama Hanif. Selain itu kepercayaan animisme, kepercayaan karut serta mengamalkan tilik nasib turut diamalkan.
- Perubahan dari aspek agama dan kepercayaan selepas kedatangan Islam dapat dilihat apabila konsep akidah iaitu mentauhidkan Allah menjadi asas utama ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Agama Islam juga telah berjaya membentuk satu masyarakat yang berasaskan satu kepercayaan dan satu cara hidup yang meliputi segala aspek kehidupan. Daripada konsep tauhid lahir sifat ta'abbud iaitu penyerahan diri kepada Allah melalui konsep ibadah. Kepercayaan karut yang menjadi unsur peraturan tradisi masyarakat jahiliah tidak lagi wujud .Apa yang digunakan sebagai asas panduan peraturan dalam semua aspek kehidupan ialah undang Allah yang disyariatkan melalui wahyu.

#### **2. Dari segi sosial**

- Kehidupan masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan pelbagai amalan buruk seperti minum arak, berzina, bergaduh dan sebagainya . Mereka mengamalkan sistem berkabilah, iaitu unit sosial yang bertanggungjawab mengawal keseluruhan kehidupan masyarakat Arab. Sistem ini berasaskan pertalian

SULIT

darah dan perhubungan (assabiyah), iaitu berbangga dengan kabilah sendiri dan memandang rendah pada kabilah lain .Keadaan ini menyebabkan sering kali berlaku peperangan antara kabilah.Selain itu mereka juga mengamalkan kehidupan berasaskan kelas-kelas tertentu, contohnya golongan hamba mempunyai status yang paling rendah dan mereka akan dipergunakan sesuka hati. Mereka juga memandang rendah kepada kaum wanita dan oleh itu mereka menanam bayi perempuan hidup-hidup.

- Selepas kedatangan Islam, perubahan dari aspek sosial dapat dilihat apabila Islam sangat menekankan pembentukan akhlak yang mulia. Perkara-perkara seperti hak untuk hidup , hak untuk bebas, pemeliharaan maruah dan peribadi, hak berfikir dan mengeluarkan pendapat, dan hak untuk mendapat keadilan. Misalnya,dari segi hak untuk hidup, seseorang manusia tidak boleh membunuh sesuka hati. Lebih penting lagi, Islam telah menghapuskan semangat assabiyah dan ditukar dengan konsep ukhwah Islamiah. Perhambaan dihapuskan dan kedudukan wanita di pertingkatkan .Ini membantu ke arah pembentukan imej masyarakat yang bertamadun. Bermula dengan perjanjian Aqabah 1, masyarakat Arab Madinah berjanji tidak akan menipu, berzina dan membunuh. Nabi Muhammad s.a.w telah berjaya mengikis amalan akhlak yang buruk di kalangan orang Islam di Madinah.

### **3. Dari segi politik**

- Politik masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam adalah tidak seragam. Masyarakat Badwi mengamalkan sistem politik berkabilah. Syeikh kabilah merupakan ketua yang bertanggungjawab ke atas segala yang berkaitan dengan kabilah. Masyarakat Arab yang tinggal berhampiran dengan kuasa-kuasa asing seperti Rom dan Parsi sering dijajah. Hanya kota Mekah sahaja yang bebas dari sebarang penjajahan . Secara umumnya perbezaan ini berlaku kerana kedudukan daerah, keturunan yang memerintah atau kuasa-kuasa asing yang menjajah.
- Perubahan berlaku dalam politik Islam yang berasaskan kepada konsep khalifah. Seseorang khalifah bukan hanya diamanahkan untuk memerintah dan memimpin rakyat bahkan mentadbir alam dan menegakkan keadilan. Pemerintah bertanggungjawab menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kerajaan Islam Madinah adalah berasaskan kepada Perlembagaan Madinah yang dibentuk oleh Nabi Muhammad s.a.w..Segala keputusan negara diputuskan dan dilaksanakan melalui konsep syura. Undang-undang utama yang digunakan untuk menjalankan pemerintahan negara adalah berasaskan undang-undang al-Quran.

### **4. Dari segi ekonomi**

- Pada zaman masyarakat Arab Jahilah, keadaan ekonomi agak meruncing akibat daripada penjajahan kuasa asing dan peperangan sesama sendiri. Keruntuhan empangan Maarib di Yaman telah menyebabkan kegiatan

pertanian terjejas .Walau pun kegiatan perdagangan masih lagi berjalan, namun amalan riba dan penipuan di amalkan secara berleluasa.Bagi orang Badwi yang hidup secara nomad,mereka banyak bergantung kepada penternakan kambing biri-biri .Walau bagaimana pun kerana tekanan hidup mereka turut menjalankan aktiviti merompak kafilah-kafilah perdagangan .

- Perubahan ekonomi selepas kedatangan Islam dapat dilihat apabila Islam menjalankan ekonomi berasaskan syariah bagi melindungi rakyat daripada penindasan dan ketidakadilan . Keadaan ini membolehkan aktiviti ekonomi dijalankan dengan baik dan harmonis kerana manusia takut akan balasan Allah di akhirat kelak jika mereka melakukan penipuan dan amalan riba dalam perniagaan mereka .Penerapan nilai ekonomi Islam di Madinah pada zaman nabi sehingga menjadikan kota tersebut sebagai pusat perdagangan yang penting. Pelaksanaan ekonomi Islam yang bebas daripada unsur riba dan penipuan itu telah menarik pedagang –pedagang luar untuk datang berniaga di Madinah.

#### **5. Hubungan masyarakat**

- Masyarakat Arab Jahiliah hidup terpisah dalam kabilah dan kaum masing-masing. Setiap individu mempunyai ketaatan kepada kabilah dan sangat prejudis kepada kabilah yang lain. Semangat ini juga menyebabkan mereka memihak kepada kabilah tanpa mengira sama ada mereka dalam keadaan benar atau salah. Ini telah menimbulkan masalah permusuhan antara kabilah yang berpanjangan.
- Masyarakat Arab di Madinah selepas kedatangan Islam berjaya membentuk sebuah masyarakat ummah tanpa mengira kaum dan keturunan. Kesetiaan kepada kaum tidak wujud dan diganti dengan ikatan persaudaraan Islam. Contohnya nabi Muhammad s.a.w. berjaya mempersaudarakan orang Ansar dan Muhajirin.

#### **6. Ilmu Pengetahuan**

- Masyarakat Arab Jahiliah tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi. Menurut al-Baladhuri pada masa itu hanya terdapat 17 orang yang pandai menulis dan membaca. Ilmu pengetahuan hanya untuk golongan bangsawan sahaja dan perkembangannya pula adalah dalam bentuk lisan.
- Masyarakat Islam selepas kedatangan Islam melalui penurunan al-Quran telah mewajibkan seluruh umatnya untuk mempelajarinya tanpa mengira latar belakang diri. Al-Quran mengandungi segala ilmu mencakupi ilmu agama, politik ekonomi dan sosial. Kesannya Tanah Arab mencapai kemajuan dengan Madinah menjadi tumpuan untuk mempelajari ilmu pengetahuan.

### **C.Kesimpulan (2 m)**

SULIT

1. Kehidupan masyarakat Arab sebelum dan selepas kedatangan Islam adalah menunjukkan perbezaan yang ketara.

2. Kedatangan Islam telah mengubah corak masyarakat Arab terutamanya di Madinah dimana masyarakat yang harmoni dan sejahtera dapat dilihat. Amalan serta nilai-nilai murni menggantikan amalan tidak bermoral masyarakat Jahiliah serta melahirkan masyarakat Islam yang bertamadun..

**10. Piagam Madinah merupakan piagam bertulis yang pertama memenuhi syarat-syarat perlembagaan. Huraikan kepentingan Piagam Madinah kepada pembangunan masyarakat Madinah.**

**A. Pengenalan ( 3markah )**

- Piagam ini merupakan satu undang-undang yang tertinggi di Madinah selain Al Quran yang telah menjadi tatacara pemerintahan di Negara itu.
- Ia digubal oleh Nabi Muhammad S.A.W selaku pemimpin Madinah dengan ketua-ketua orang Aus dan Khazraj (Ansar), orang Muhajirin dan ketua puak-puak Yahudi.
- Piagam ini mempunyai 10 bab yang dipecahkan kepada 47 fasal yang mengandungi hak dan tanggungjawab pemerintah dan semua lapisan rakyat Madinah sama ada Islam ataupun bukan Islam.
- Antara kandungan Piagam Madinah ialah pengiktirafan dan pengakuan Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemimpin negara, konsep ummah, kebebasan beragama, kewajipab mempertahankan Negara, hidup bermasyarakat, keselamatan penduduk Madinah dipelihara, mereka taat kepada perundangan negara dan Al Quran dan hadis sebagai sumber perundangan dan rujukan utama.

**B. Isi-isi Penting**

**Kepentingan Piagam Madinah ( 7 isi x 3 : 21 markah)**

**1. Semua kaum bertanggungjawab mempertahankan Madinah**

- Penduduk Madinah harus bersama-sama mempertahankan Madinah tidak kira yang beragama Islam atau bukan Islam.
- Mereka tidak boleh mengadakan hubungan dengan musuh-musuh Islam bagi tujuan menentang negara Islam Madinah.
- Semangat cinta akan Kota Madinah dipupuk dalam kalangan masyarakat bagi menghindari permusuhan sesama sendiri sehingga menyebabkan musuh dapat mengambil alih Kota Madinah.
- Islam menganggap ahli kitab atau orang Yahudi sebagai warganegara dan ummah bersama orang Islam selagi mereka menjalankan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka.
- Perbezaan agama tidak menghalang seseorang itu daripada diterima menjadi rakyat dalam negara.

**2. Menjamin kebebasan kaum Yahudi**

SULIT

- Kaum Yahudi pada mulanya memang berminat untuk menguasai Madinah.
- Atas kesedaran itu, Piagam Madinah juga menitikberatkan dan menjamin kebebasan kaum Yahudi dan penganut-penganut agama lain untuk menganut dan mengamalkan ibadat agama mereka sendiri.
- Tujuannya supaya kaum Yahudi tidak menyebarkan agama mereka di Madinah dan mengelakkan permusuhan sesama sendiri.
- Rasulullah mempersetujui bahawa tiada paksaan dalam kepercayaan dan anutan agama.

### **3. Terbentuk sebuah kerajaan Islam yang kuat dan utuh**

- Orang Islam bebas berhimpun dan bermesyuarat bagi membincangkan masalah politik dan pentadbiran negara.
- Dengan terbentuknya Piagam Madinah, sebuah negara Islam telah berjaya dibentuk dan mewujudkan kesedaran bahawa mereka ialah masyarakat yang kuat dan bersatu padu serta Madinah adalah milik bersama.
- Piagam Madinah mengakui hak dan tanggungjawab penduduk Madinah termasuk orang bukan Islam untuk mendapat perlindungan dan keselamatan dari segi pengadilan dan perundangan.
- Mereka mempunyai kewajiban bersama untuk mempertahankan negara dan perbelanjaan bagi mempertahankan negara adalah tanggungjawab bersama.

### **4. Kebebasan kepada setiap penduduk**

- Setiap penduduk diberi kebebasan hak asasi yang sama rata.
- Tiada lagi penindasan seperti yang dilakukan oleh orang Yahudi ke atas orang yang lemah supaya dapat menjamin keharmonian hidup semua penduduk Madinah.
- Kebebasan ini meliputi kebebasan diri, agama, berfikir dan bersuara, beramal, bekerja dan sebagainya.
- Jaminan kebebasan meliputi segi aspek kehidupan selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.

### **5. Menyatupadukan masyarakat Madinah**

- Hubungan baik dapat diadakan dengan masyarakat Islam dan orang-orang bukan Islam melalui sifat saling menghormati, bertanggungjawab dan sebagainya.
- Perlembagaan Madinah memainkan peranan supaya masyarakat berbilang bangsa di Madinah dapat hidup aman damai, teratur dan bersistem serta menghindari permusuhan.
- Perlembagaan Madinah telah mengalami perubahan dan perkembangan dari segi nilai tradisi Jahiliyah yang mementingkan maruah diri dan kaum masing-masing kepada nilai-nilai persaudaraan Islam.

### **6. Nabi Muhammad sebagai pemerintah tertinggi dan unggul di Madinah**

- Nabi Muhammad merupakan seorang negarawan yang tulen dan berwibawa.
- Ketokohan baginda yang cuba menonjolkan agama Islam bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek akidah tetapi juga dalam hal ehwal duniawi.
- Baginda bertanggungjawab menyelesaikan masalah perselisihan kaum dan mewujudkan satu institusi kebaikan dan keadilan di Madinah.

SULIT

- Peruntukan dalam fasal 23 dan 42 Piagam Madinah menjelaskan bahawa apabila timbulnya perbezaan dan pertelingkahan, maka penyelesaian mengikut hukum Islam dan keputusan dibuat oleh Rasulullah.
- Perlembagaan ini meletakkan kedudukan baginda sebagai ketua dan hakim negara yang tinggi.

### **7. Dapat mengatur hubungan kaum Yahudi**

- Masyarakat Yahudi bebas mengamalkan adat istiadat mereka tanpa sekatan.
- Mereka tidak boleh memaksa orang Madinah untuk menganut agama mereka kerana kebebasan telah diberikan kepada mereka.
- Mereka tidak dibenarkan menindas orang yang lemah.
- Mereka yang mematuhi piagam ini akan diberi jaminan iaitu perlindungan dan keselamatan selagi mereka tidak melakukan kejahatan dan memungkiri janji.

### **8. Konsep persamaan dan keadilan kepada semua penduduk**

- Tujuannya untuk mengelakkan jurang perbezaan dan penindasan.
- Piagam Madinah meratakan kekayaan antara masyarakat bagi mengelakkan penindasan golongan kaya ke atas golongan miskin.
- Keadilan merupakan tanggungjawab setiap orang untuk melaksanakan dengan penuh kejujuran supaya individu akan berasa aman dan tenteram kerana telah memberi jaminan dan keselamatan kepada akal, diri, harta benda, agama dan keturunan manusia.
- Tujuan keadilan adalah untuk menolak dan menghindarkan keburukan dan memberi kebaikan serta hak kepada seseorang berdasarkan syariat Islam.
- Piagam Madinah mengingatkan warganegara supaya berlaku adil dan tidak menganiyai manusia bahkan hendaklah sentiasa tolong menolong dan setiap kezaliman hendaklah dihapuskan seperti yang termaktub dalam fasal 13 piagam tersebut.

### **9. Perpaduan umat Islam**

- Penduduk Madinah diseru agar saling bekerjasama dan bersatu padu memandangkan umat Islam di Madinah terbahagi kepada dua kumpulan utama iaitu golongan Ansar dan golongan Muhajirin.
- Untuk menyatupadukan mereka, penduduk Madinah diasuh menjadi satu kumpulan yang kuat dan utuh bagi mengelakkan musuh mengambil kesempatan di atas perpecahan mereka.
- Persaudaraan Islam adalah suatu sikap dan tindakan yang lahir daripada jiwa dan hati manusia yang diikat dengan akidah keimanan kepada Allah dan Rasulnya.
- Persaudaraan ini bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan hubungan persahabatan sesama Islam tanpa mengira keturunan, tempat tinggal dan warna kulit.
- Persaudaraan ini dapat melahirkan masyarakat Islam yang sebenar, kukuh dan padu, mempunyai kefahaman dan kerjasama yang erat serta cinta akan kedamaian dan kesejahteraan hidup.

### **10. Pemerintahan bercorak musyawarah**

SULIT



- Semua kaum berhak menyuarakan masalah kaum mereka.
- Semua kaum boleh mengemukakan pendapat kerana Piagam Madinah melahirkan pemerintahan yang berpegang teguh kepada prinsip yang dipanggil musyawarah.
- Contohnya Nabi Muhammad s.a.w. pernah ditegur oleh sahabat semasa pemilihan tempat dalam Perang Badar.
- Sifat demikian akan mengeratkan lagi hubungan antara pemerintah dengan rakyat.

**C. Kesimpulan ( 1 markah )**

- Kesan daripada Piagam Madinah, Nabi Muhammad S.A.W telah dapat membentuk sebuah negara Islam yang kukuh dan diterima serta dihormati oleh negara-negara luar.
- Nabi Muhammad S.A.W telah berjaya mengembangkan ajaran Islam kepada kabilah-kabilah luar dari Madinah.

**11. Jelaskan peristiwa Perang Uhud dan kesan-kesannya kepada umat Islam dan Musyrikin Mekah**

**PENGENALAN ; 3M**

Peperangan merupakan antara perkara-perkara yang tidak disukai dan tidak dibenarkan dalam Islam, kecuali kerana keadaan-keadaan tertentu yang mendesak dan terpaksa. Perang Uhud adalah pertempuran kedua yang berlaku dalam sejarah Islam pada 3 Hijrah. Perang Uhud melibatkan seramai 700 orang tentera Islam diketuai oleh Nabi Muhammad S.A.W dengan 3000 orang tentera Abu Sufyan Bin Harb. Terdapat beberapa sebab yang mencetuskan perang ini, dan terdapat kesan-kesan perang Uhud samada kepada tentera Islam dan musyrikin Mekah.

**ISI-ISI PENTING ( 5 x 2 M)**

**Perkembangan Perang Uhud:**

1. Perang ini berpunca daripada rasa kecewa dan ingin membalas dendam dalam kalangan kaum Musyrikin Mekah atas kekalahan mereka dalam Perang Badar. Kekecewaan ini timbul kerana ramai tentera mereka terbunuh, harta benda bernilai 5000 dinar, telah dirampas oleh tentera Islam serta nama dan maruah mereka jatuh kerana selama ini mereka sangat bermegah dengan kekuatan dan kejaguan mereka.
2. Rasulullah SAW dimaklumkan oleh bapa saudara baginda, yang kaum Quraisy sedang bersiap sedia untuk menyerang Madinah. Tentera Quraisy disertai oleh penduduk dari dalam dan luar kota Mekah seperti puak Kinanah, Tihamah dan Thaqif. Mereka bertolak dari kota Mekah pada 25 Ramadan tahun 3 Hijrah dan sampai di Uhud pada 5 Syawal tahun yang sama.
3. Rasulullah bermesyuarat di kalangan penduduk Madinah untuk membincangkan cara menangani musuh Islam tersebut. Ada dua cadangan, iaitu keluar dari kota Madinah atau bertahan sahaja dalam kota Madinah. Rasulullah menerima cadangan pertama kerana ia merupakan suara majoriti.
4. Tentera Islam mulanya berjumlah 1000 orang namun sebelum peperangan berlaku, satu pertiga daripada tentera di bawah pimpinan Abdullah bin Ubay telah menarik diri dengan alasan mungkin berlakunya serangan tentera Musyrikin Mekah ke atas kota Madinah. Sebenarnya mereka kurang yakin

SULIT

dengan jumlah tentera yang kecil dan sikap mereka yang tidak ikhlas menganut Islam.

5. Rasulullah tidak putus asa dan merangka strategi dengan meletakkan 50 orang tentera pemanah di atas bukit Uhud diketuai oleh Abdullah bin Zubair. Strategi ini berjaya memerangkap tentera Quraisy. Kesannya tentera Islam hampir memperoleh kemenangan, namun disebabkan tentera pemanah meninggalkan posisi strategik itu demi mendapatkan harta yang ditinggalkan musuh telah mendedahkan kepincangan benteng pertahanan tentera Islam.
6. Khalid al-Walid yang melihat tentera Islam berebut-rebut harta rampasan bertindak menyerang semula tentera Islam yang menyebabkan tentera Islam berada dalam kucar-kacir. Kesannya 70 orang tentera Islam telah syahid termasuk Saidina Hamzah. Malah Rasulullah sendiri mengalami kecederaan, membolehkan tentera musuh meraikan kemenangan.

**Kesan-kesan Perang Uhud kepada tentera Islam dan Musyrikin Quraisy. (5 x 2M)**

1. Kabilah-kabilah Arab mula memandang rendah dan serong kepada umat Islam, mereka kembali kepada kaum Quraisy. Malah ada yang berani membunuh umat Islam sewenang-wenangnya seperti Bani Bakr yang membunuh seramai 70 orang utusan dakwah Islam di Bir Mauna.
2. Kekalahan dalam Perang Uhud menimbulkan krisis keyakinan di kalangan umat Islam yang tipis imannya, mengapa tentera yang dipimpin oleh Rasul yang membawa agama Allah gagal mengalahkan musuh Allah.
3. Perang Uhud memberi gambaran kepada umat Islam mengenai sifat-sifat dan bahaya yang ditimbulkan oleh golongan munafik. Ini menyebabkan orang Islam semakin berhati-hati ketika berurusan dengan orang munafik.
4. Perang Uhud memberikan pengajaran kepada tentera Islam agar mentaati serta mengikuti taktik yang telah ditetapkan oleh Rasulullah S.A.W serta dilarang sama sekali mengingkari arahan ketua kerana padahnya amat besar sekiranya hal ini berlaku.
5. Rasulullah SAW bertindak menghalau Yahudi Bani Nadhir dari kota Madinah, bukan sahaja kerana sikapnya yang mengkhianati Sahifah Madinah, bahkan mereka kerap berusaha membunuh Rasulullah S.A.W.
6. Kaum Quraisy mula yakin dengan kekuatan mereka dan percaya kekuatan Islam mulai lumpuh. Ini mendorong mereka semakin bersemangat untuk mengalahkan orang Islam dan yang penting membunuh Rasulullah S.A.W.
7. Perang ini membuktikan kaum Quraisy memang sentiasa berazam menghancurkan Islam pada bila-bila masa sahaja.

**KESIMPULAN ( 2M)**

Kemenangan pihak Quraisy telah mencetuskan keyakinan musuh-musuh Islam untuk mereka bangkit kembali menentang umat Islam. Pada tahun 5 Hijrah, berlaku perang Ahzab, tetapi hasrat Quraisy untuk mengalahkan Islam menemui kegagalan dengan kebijaksanaan Rasulullah merencanakan strategi.

**12: Bincangkan sumber-sumber Baitulmal dan peranannya kepada ekonomi umat Islam**

**A. Pendahuluan (3M)**

1. *Baitulmal* adalah perbendaharaan negara Islam, yang berfungsi sebagai penggerak kepada pembangunan institusi ibadat dan pembangunan material sesebuah negara Islam keseluruhannya. Institusi *baitulmal* tidak berfungsi dengan aktif pada zaman awal kerajaan Islam, kerana perkembangan dan penaklukan Islam belum luas lagi dan sumber hasil pendapatan negara tidak banyak dan tidak memerlukan penubuhan sebuah badan khusus secara formal untuk menguruskannya.
2. Pada zaman Rasulullah s.a.w hasil pendapatan negara tidak banyak. Sumber pendapatan yang diperolehi hanya merupakan rampasan perang atau yang didapati melalui perjanjian damai. Hasil pendapatan ini dibahagikan segera kepada mereka yang berhak menerimanya.
3. Harta zakat yang dipungut dari para hartawan dan usahawan juga dibahagikan secara segera kepada lapan asnaf (orang-orang yang berhak menerima zakat).
4. Kedudukan belanjawan negara pada masa itu seimbang. Ini bererti semua perbelanjaan negara adalah diseimbangkan dengan hasil pendapatannya. Justeru kerana itu, persoalan pengawalan lebih harta melalui penubuhan *Baitulmal* secara formal tidak timbul sama sekali. Ini juga bererti pengurusan harta adalah mudah, terkawal dan tidak susah pengurusannya.
5. Pengurusan hasil negara pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq juga mudah dan terkawal dan *Baitulmal* juga tidak perlu ditubuhkan secara formal, tidak seperti pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab. Sehubungan itu Khalifah Umar bin al-Khattab adalah orang yang pertama menubuhkan *Baitulmal* secara formal.

**B. Sumber-sumber baitulmal, (5 X 2M)**

- (a) Segala harta yang didapati melalui zakat, seperti zakat harta dan zakat fitrah.
- (b) Segala harta hak milik negara, termasuk semua sumber kekayaannya.
- (c) Semua harta hak milik umat Islam yang tidak jelas penggunaannya, seperti wakaf, sedekah, dan lain-lain.
- (d) Segala harta yang didapati dari peperangan, seperti ghanimah, jizyah, dan lain-lain.
- (e) Harta yang lain dari yang tersebut seperti lebih pusaka, *luqatah* dan lain-lain.
- (f) Saham yang dijual melalui institusi yang ditubuhkan oleh *Baitulmal*.

**C. Peranan Baitulmal kepada ekonomi Islam. (5 X 2M)**

1. Institusi ini diurus tadbir oleh pemerintah Islam yang bertanggungjawab secara langsung menentukan sumber pendapatan Negara dan mengagihkannya secara adil kepada mereka yang berhak dan untuk pembangunan negara secara keseluruhannya. Khalifah juga bertanggungjawab melantik pegawai-pegawai yang adil dan amanah untuk mengendalikan pengurusan *Baitulmal* di peringkat pusat, cawangan atau wilayah. Khalifah juga berhak menerima khidmat nasihat daripada *Majlis al-Syura* untuk menjamin institusi *Baitulmal* boleh menambahkan lagi pendapatan negara dan perbelanjaannya.

SULIT

2. Matlamat penubuhan *Baitulmal* ialah untuk memberi kemakmuran kepada umat Islam dan ia adalah satu lambang penyertaan setiap individu yang berada dengan mengeluarkan zakat, sedekah, wakaf dan sebagainya untuk mengatasi masalah kemiskinan mereka yang tidak bernasib baik.
3. Harta yang ada dalam *Baitulmal* hendaklah sentiasa mengalir sama ada diagihkan kepada *lapan asnaf* (mereka yang berhak menerima zakat) atau untuk membina infrastruktur dan pelaburan di dalam aktiviti-aktiviti sosial, perdagangan, dan perindustrian.
4. Membayar gaji pekerja
5. Meningkatkan pendapatan umat Islam melalui pinjaman dan subsidi.
6. Mengeluarkan biasiswa dan kemudahan yang diperlukan pelajar Islam.

Kesimpulan. (2M).

Apa-apa yang berkaitan.

### **13 : Huraikan kurikulum pendidikan yang dilaksanakan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.**

#### **A. Pendahuluan (3m)**

1. Pendidikan Islam bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu yang pertama pada tahun 610 M, iaitu surah al-Alaq', ayat 1 hingga 5. Melalui ayat ini, Islam memberi kewajipan kepada umatnya agar menuntut ilmu tanpa mengira jantina dan keturunan.
2. Sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah bersumberkan wahyu dan bermatlamat untuk melahirkan insan yang tunduk dan patuh kepada perintah Allah.
3. Keadaan dan suasana kehidupan yang berbeza di antara masyarakat Makkah dan Madinah menyebabkan corak kurikulum pendidikan Baginda di Makkah berbeza dengan di Madinah.
4. Kurikulum pendidikan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. menekankan aspek akidah, akhlak dan syariah.

#### **B. Isi-isi Penting**

##### **Kurikulum pendidikan di Makkah (2 x 4 m = 8m)**

SULIT

### **1. Pendidikan Akidah**

- Persoalan akidah adalah asas utama dalam pendidikan Islam di Makkah. Kandungan utama pengajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ialah Rukun Iman. Ia merupakan kepercayaan yang menghubungkan seseorang itu dengan penciptanya iaitu Allah.
- Perkara asas ialah membicarakan tentang beriman kepada Allah SWT., kepercayaan kepada malaikat, kitab, rasul, hari akhirat dan qada dan qadar
- Beriman kepada Allah ialah meyakini dengan bersungguh-sungguh tentang kewujudan Allah dan mengabdikan diri kepadaNya dengan ikhlas.
- Beriman kepada malaikat bererti walaupun malaikat tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi manusia perlu yakin tentang kewujudannya.
- Melalui malaikat inilah diturunkan kitab kepada para rasul sebagai utusan untuk menyampaikan secara ajaranNya.
- Beriman kepada rasul iaitu mempercayai segala apa yang disampaikan.
- Mempercayai hari akhirat pula bermaksud wajib mempercayai kehidupan semula dan hari pembalasan.
- Akhirnya mempercayai untung nasib seseorang baik dan buruk datangnya daripada Allah SWT.

### **2. Pendidikan Akhlak**

- Pendidikan Islam juga menitikberatkan persoalan akhlak. Hanya akhlak yang terpuji sahaja yang dapat membawa seseorang ke tahap ketaqwaan kepada Allah SWT.
- Nabi Muhammad sendiri telah diutuskan oleh Allah SWT untuk membentuk akhlak di kalangan masyarakat manusia .
- Melalui akhlak yang terpuji inilah yang dapat melahirkan individu muslim yang soleh dan seterusnya terbentuk sebuah masyarakat yang diredhai dan diberkati oleh Allah SWT. Manakala akhlak yang buruk pula membawa kehancuran kepada sesebuah masyarakat.

### **3. Pelaksanaan pendidikan di Makkah**

- Secara senyap atau rahsia atau sirriyyah kepada kaum keluarga dan sahabat terdekat seperti isteri Baginda iaitu Khadijah, Ali bin Abi Talib dan Abu Bakar as Siddiq yang berpusat di rumah Arqam bin Abi Arqam berlangsung selama 3 tahun..
- Secara terang-terangan atau jahriyyah. Diperintahkan oleh Allah SWT selama 10 tahun. Ditujukan kepada kerabat keluarga seperti keluarga Abdul Mutalib dengan berceramah di rumah Ali bin Abi Talib.
- Secara terbuka kepada orang ramai. Di Bukit Safa yang dihadiri oleh semua ketua-ketua pentadbir Mekah seperti Ketua Bani Zahrah, Bani Tamin, Bani Makhzum dan Bani Asad

- Cara nabi mendidik ialah menunjukkan contoh teladan dan akhlak yang terbaik. Contoh Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah berdusta dan menyampaikan dakwah dengan penuh hikmah..

### **Kurikulum pendidikan di Madinah (3 x 4 m = 12m)**

#### **1. Pendidikan Ibadat**

- Pendidikan Islam di Madinah lebih tertumpu kepada persoalan ibadat. Perkara asas di dalam ibadat iaitu sembahyang mula dititik beratkan dengan memperingatkan kepada setiap individu muslim supaya menjaga waktu sembahyang.
- Selain daripada solat fardhu, umat Islam juga diwajibkan mendirikan solat Jumaat dan memperbanyakkan solat-solat sunat yang lain seperti solat Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha.
- Umat Islam diwajibkan menjalani ibadat puasa pada bulan Ramadan 2 Hijrah dan ibadat Haji pada 6 Hijrah

#### **2. Pendidikan Akhlak**

- Pendidikan akhlak yang dilaksanakan di Madinah adalah kesinambungan daripada pendidikan akhlak di Makkah. Justeru itu, tidak berlaku perubahan dan penambahan yang banyak.
- Perkara yang diajar di Madinah banyak berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat seperti adab berjiran, adab ketika masuk ke rumah jiran dan adab bergaul dengan masyarakat.

#### **3. Mata pelajaran utama**

- Penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke kota Madinah pada tahun 622 M telah membawa perubahan dalam sistem pendidikan Islam. Pengajian di adakan di masjid-masjid. Antara mata pelajaran utama yang diajar ialah mengaji al-Quran.
- Selain itu, mata pelajaran lain seperti dasar-dasar Islam, tulisan khat, sejarah, menunggang kuda, memanah dan bahasa asing juga diajar..

#### **4. Membaca dan menulis**

- Di Madinah orang yang pandai membaca dan menulis disuruh menulis ayat al-Quran yang diwahyukan.
- Mereka diminta mengajar umat Islam yang tidak tahu membaca dan menulis. Contohnya tawanan perang Badar yang pandai membaca dan menulis diminta menebus dirinya dengan mengajar 10 orang kanak-kanak yang tinggal di Madinah.

### **C. Kesimpulan (2 m)**

1. Pelaksanaan kurikulum pendidikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sama ada di Makkah atau pun di Madinah adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang sempurna dari segi rohani dan jasmani supaya memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat.
2. Kurikulum yang digariskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kemudiannya telah diwarisi oleh para sahabat termasuk usaha mengumpul dan membukukan al-Quran dan Hadis yang membawa kepada pengenalan ilmu tafsir, usuluddin, fikah dan sebagainya.

### **14. Jelaskan sumber ilmu menurut tamadun Islam dan tamadun Barat**

#### **Pengenalan (3markah)**

- Ilmu berasal daripada perkataan Arab 'alima' yang bermaksud 'tahu'.
- Dalam bahasa Inggeris 'science' bermaksud ilmu
- Dalam bahasa latin 'science' bermaksud 'tahu'
- Ilmu juga dapat diertikan sebagai pengetahuan atau kepandaian dalam pelbagai perkara.

#### **B. Isi-isi Penting**

##### **Sumber ilmu menurut Tamadun Islam dan Tamadun Barat (10 isi x 2m : 20m)**

##### **1. Sumber Al Quran (wahyu)**

- Sumber ilmu yang sebenar datang dari Allah.
- Sumber-sumber itu wujud secara langsung melalui wahyu ataupun secara tidak langsung melalui tanda-tanda alam.

##### **2. Sumber Al Sunnah (hadis)**

- Segala perkara yang datang daripada Rasulullah S.A.W sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan.
- Al Sunnah berada dalam kedudukan kedua selepas Al Quran dan wajib beramalannya kerana sunnah itu sebagai hukum yang dapat merealisasikan tuntutan Al Quran. Contohnya cara-cara mendirikan solat.
- Sungguhpun sunnah itu datang dari Rasulullah S.A.W. tetapi merupakan wahyu yang datang daripada Allah .S.W.T dengan kata lain perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad itu bukan dibuat atas kepentingan Rasulullah S.A.W tetapi datang daripada Allah.S.W.T.

##### **3. Sumber akal**

- Menurut Imam al-Ghazali, akal terbahagi kepada dua iaitu aqli dan fikri.

SULIT

- Beliau meletakkan akal di bawah martabat roh tetapi masih menyanjung peranan akal.
- Menurut al-Ghazali, akal adalah 'dacing' kebenaran (Tuhan) (mizan al-Haq).

#### **4. Sumber ijtihad (para ulama)**

- Ijtihad adalah pengkajian dan penyelidikan untuk mengetahui dengan sedalam-dalamnya tentang sesuatu.
- Menurut ulama usul fiqah, ijtihad ialah menggunakan sepenuhnya usaha untuk mendapatkan hukum syarie amali daripada dalilnya yang terperinci dengan mengistinbat hukum daripada dalilnya. Ijtihad merupakan salah satu antara dua sumber hukum perundangan Islam selain Al Quran dan hadis.

#### **5. Sumber pancaindera**

- Lima pancaindera berperanan sebagai penghubung antara manusia dengan alam luarnya.
- Pancaindera adalah sumber yang dimiliki oleh semua manusia tanpa mengira keturunan, warna, kulit, budaya dan agama.
- Menurut Ibnu Khaldun, sumber asal dalam pencapaian ilmu ialah perkara yang dapat dikesan oleh lima pancaindera.

#### **6. Sumber sejarah**

- Dalam Islam, sejarah menjadi sumber ilmu yang utama terutama sejarah yang terkandung dalam Al Quran dan hadis.
- Melalui sejarah dari Al Quran, manusia akan mengetahui hal ehwal akhlak orang-orang dahulu, sirah kehidupan nabi-nabi, peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada bangsa manusia yang terdahulu yang boleh dijadikan panduan dan pengajaran.

### **Sumber ilmu menurut Tamadun Barat**

#### **1. Sumber taurat dan injil**

- Pandangan ini beranggapan bahawa ilmu dipercayai bersumberkan Tuhan. Zaman empayar Rom, Buci merupakan ilmu yang paling tinggi dan ideal yang dipercayai diturunkan oleh Tuhan.
- Dalam agama Kristian, nilai-nilai kerohanian adalah prasyarat menjamin kehidupan yang baik.

#### **2. Sumber fikiran manusia**

- Merupakan pandangan ahli sekular, iaitu ilmu harus diperolehi daripada cara berfikir secara rasional dan mampu membuktikan semua fakta yang diperolehi.
- Fikiran sekular ini diambil dari falsafah Aristotle yang menganggap ilmu yang sebenar adalah melalui teori-teori yang dapat dibuktikan dengan fakta-fakta.
- Ilmu tidak seharusnya patuh atau dipengaruhi oleh tuntutan agama yang tidak dapat dibuktikan dengan fakta.

#### **3. Sumber pancaindera**

SULIT



- Ilmu boleh diperolehi dengan cara melalui pengetahuan sedia ada dan pengalaman seseorang itu.
- Pengetahuan yang diperolehi itu dikenali sebagai empirikal.

#### **4. Sumber hasil tulisan ahli falsafah**

- Hasil tulisan ahli falsafah Yunani umpamanya boleh dikumpul dan diterjemah serta diterbitkan semula seperti Plato dan Aristotle.

#### **5. Sumber kesedaran sejarah**

- Warisan dan kebudayaan klasik sesuatu bangsa boleh digunakan sebagai asas dalam proses mencari ilmu baru..

### **C. Kesimpulan ( 2 markah )**

- Menurut sarjana Islam, manusia tidak mempunyai kemampuan untuk mencari tahap pengetahuan melebihi wahyu.
- Sumber berasaskan wahyu adalah mutlak kerana daripada ilham yang diberikan oleh Allah.
- Bagi sarjana Barat, ilmu hanya dibatasi oleh kemampuan akal dan fikiran manusia semata-mata.

### **15. Bincangkan matlamat penjelajahan dan penerokaan Ibnu Batutah pada abad ke 10M hingga abad ke 14M. Nilaiikan sumbangan beliau dalam bidang tersebut.**

#### **PENGENALAN( 3 M)**

Allah SWT menggalakkan manusia untuk mencari dan meneroka kejadian alam supaya boleh menjaga keadilan dan kebajikan mereka. Abad ke 10 hingga abad ke 14 Masihi merupakan zaman kegemilangan umat Islam. Ramai tokoh pengembara telah lahir seperti Ibnu. Mas'udi dan Ibnu. Batutah. Ibnu Batutah ialah pengembara Arab yang mencatat kisah pelayarannya dalam sebuah buku yang dipanggil Rihlah.Ia adalah dokumen sejarah terkenal bagi kajian sejarah sosial, ekonomi,dan budaya dunia Islam.

### **ISI-ISI PENTING ( 4 x 2M)**

#### **A. MATLAMAT**

##### **1. Perasaan ingin tahu( inkuiri)**

Ramai pengembara Islam ingin tahu mengenai dunia luar.Mereka keluar ke banyak tempat untuk mengembara dan berdagang serta mempelajari pelbagai perkara baru yang baik.

##### **2. mencari ilmu dan menyebarkan ilmu.**

Ramai pengembara Islam keluar untuk mencari ilmu pengetahuan dan mengambil ilmu tersebut untuk kemajuan umat Islam. Orang Islam menimba ilmu daripada orang Parsi, Rom, dan China. Mereka telah berusaha menyebarkannya pula ke kawasan lain untuk kemajuan manusia. Ramai

SULIT

pendakwah telah melakukan pelayaran untuk memperkenalkan dan menyebarkan Islam ke kawasan baru.

### **3. Ekonomi.**

Peneroka Islam telah melakukan pelayaran dan penerokaan ke tempat baru untuk berdagang dan mendapat untung. Keuntungan ekonomi ini menjadikan orang Islam kuat.

### **4. Persaingan dan cabaran .**

Masyarakat Islam tahu mengenai kemajuan dunia luar. Mereka perlu memajukan diri untuk menghadapi cabaran dan saingan tersebut.

## **B. SUMBANGAN IBNU. BATUTAH DALAM BIDANG PENJELAJAHAN DAN PENEROKAAN. (4 x 3M)**

1. Sumbangan ilmu geografi, mencatat laluan perjalanannya yang menjadi panduan kepada ahli pelayaran Islam dan barat.
2. Sumbangan pensejarahan berjaya menemui ramai pemerintah, raja dan pegawai tinggi kerajaan dan mencatat aktiviti kawasan yang disinggahinya. Ia merupakan satu dokumen sejarah yang berkaitan ekonomi, sosial, dan budaya dunia Islam. Catatannya dalam Rihlah banyak mendedahkan berkaitan kehidupan sosial dan politik masyarakat samada dalam hal pentadbiran, budaya, adat serta kemakmuran sesebuah Negara.
3. Sumbangan dalam aspek politik, beliau menaikkan nama pengembara Islam yang setaraf dengan Marco Polo. Pengembaraannya amat bernilai untuk orang Islam dan masyarakat dunia. Pengembaraannya telah meningkatkan semangat pengembara Islam lain untuk mencontohi beliau.
4. Sumbangan dalam sosiologi dan antropologi.
5. Sumbangan mempertingkatkan semangat pengembaraan Islam selepasnya.

### **KESIMPULAN ( 2M)**

Penerokaan dan penjelajahan para pelayar Islam yang menurut tuntutan Syariah Islamiah telah membolehkan kemajuan pesat berlaku dalam pelbagai aspek ketamadunan dunia, samada kepada umat Islam atau masyarakat barat. Pengembaraan Ibnu Batutah yang telah menempuh perjalanan dalam hampir semua lautan dan benua telah menjadi panduan kepada peneroka yang lain kerana catatan pengalamannya.

## **16. Bincangkan pencapaian dalam bidang seni bina pada zaman kerajaan Bani Umayyah.**

### **A) Pengenalan (3m)**

1. Huraian ringkas tentang latar belakang kerajaan Bani Umayyah dari segi pemerintahannya dan pengaruh kesenian dalam pemerintahan kerajaan tersebut.

SULIT

2. Kerajaan Bani Umayyah memberikan sumbangan yang-begitu besar dalam bidang seni bina, iaitu
  - (a) Pembinaan masjid
  - (b) Pembinaan bandar, kota, dan pusat pertahanan
  - (c) Pembinaan hospital dan klinik
3. Konsep seni: seni bina, seni halus, kaligrafi.

**B) Pencapaian dalam bidang seni bina pada zaman kerajaan Bani Umayyah (7isi x 3 m= 21m)**

1. Pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, masjid telah dibina **dengan identitinya sendiri, iaitu dengan pembinaan kubah masjid**. Di samping itu, masjid juga telah dihiasi dengan begitu cantik dengan ukiran-ukiran dan seni-seni khat.
2. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, **sebuah gereja Kristian** telah ditukarkan kepada masjid iaitu masjid Suriah di Damsyik . Khalifah al-Walid juga telah berjaya menukar sebuah lagi **gereja Katholik** kepada masjid dan diberi nama Masjid Umawi. Masjid ini dihiasi dengan lampu-lampu yang diperbuat daripada emas dan tiang-tiang marmar. Usaha ini telah menambahkan lagi , keindahan Masjid Umawi ini. ws^w
3. Di samping pembinaan masjid, kerajaan Bani Umayyah juga telah **membina kota** sebagai pertahanan negara dari serangan pihak musuh. Ianya dibina dengan begitu kukuh sekali serta rapi demi keselamatan negara dari ancaman musuh. Misalnya, kota Damsyik yang telah dibina pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid.
4. Kota Damsyik ini berfungsi sebagai **pusat pemerintahan** yang dilengkapi dengan bangunan-bangunan dan pejabat-pejabat kerajaan di dalamnya. Seni bina pada zaman kerajaan Bani Umayyah juga telah **menghasilkan sebuah bandar** yang dinamakan Bandar Wasit, ianya dibina pada zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Tujuan pembinaan bandar ini ialah untuk menghalang penentangan dan pemberontakan dari wilayah Iraq yang menjadi punca kemunculan kaum pemberontak.
5. Khalifah Bani Umayyah juga telah **membina kota peranginan** iaitu di 'Anjar. Seni bina Islam pada zaman ini juga tertumpu kepada **pembinaan hospital serta klinik**. Hospital yang pertama telah didirikan oleh Khalifah al-Walid pada tahun 707 M di Damsyik. Tujuan pembinaan hospital ini adalah untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit kusta.
6. **Seni bina** pada zaman ini juga terdiri daripada : (i) Rumah orang-orang tua (ii) Tempat-tempat bagi fakir miskin (iii) Tempat-tempat persinggahan bagi musafir-musafir. (iv) untuk menjaga kebajikan rakyat
7. Khalifah Abdul Rahman II di Sepanyol telah berjaya **membina rumah api** untuk memudahkan kapal keluar masuk ke pelabuhan. Beliau juga telah membina kubu pertahanan seperti Istana Bobasto untuk mengelakkan serangan musuh. Markas tentera telah dibina di bahagian utara, selatan dan tengah seperti di Saragossa, Toledo dan Merida.
8. Khalifah Abdul Rahman III telah **membina bandar di raja** di Medina az Zahra yang menyumbang kepada perkembangan senibina.
9. Kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol telah **menukarkan gereja kepada masjid** iaitu Masjid Cordova. Mereka juga telah berjaya membina sebuah istana iaitu Istana al Hambra sebagai mercu tanda kemajuan seni bina.

SULIT

**C. Kesimpulan (1m)**

Apa sahaja yang berkaitan.

SULIT